KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Perolehan dan Penswastaan
Aras 4 & 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 2991 / 2975 / 2990 / 3455 /3038
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.100-11/3/187 Jld.16 (47)
Tarikh : 19 Mei 2025

TERIMA
22 MAY 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) no. rujukan MOF.BPK 600-22/10/6 Jld.3 (14) bertarikh 25 Mac 2025 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa MOF telah menyediakan Garis Panduan Pelanjutan Tempoh Sah Laku Tender Dalam Sistem ePerolehan (eP). Garis panduan ini bertujuan sebagai rujukan Agensi/Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk melanjutkan tempoh sah laku selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.2 Tender Terbuka bagi tender yang diiklankan melalui Sistem eP.

3. Dasar Perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa tidak menggalakkan Agensi/PTJ KKM melanjutkan tempoh sah laku tawaran kerana pelanjutan tempoh ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Namun demikian, sekiranya pelanjutan tempoh tidak dapat dielakkan, Agensi/PTJ KKM hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya.

4. Justeru, kerjasama YBhg. Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan garis panduan ini kepada semua PTJ di bawah seliaan masing-masing dan salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal eP (https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure). Bersama-sama ini dilampirkan surat MOF berserta garis panduan untuk rujukan dan tindakan YBhg. Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

QUALITY SYSTEM SIRIM STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED ACB QMS 01
CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

QUALITY SYSTEM SIRIM IQNET RECOGNIZED CERTIFICATION
CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT. NO : QMS 03659

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato' Sri/Dato'/Datin Paduka/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MOHD FAUZEE BIN ABD MAJID)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Penswastaan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.:

YBhg. Dato' Sri KSU

YBhg. Datuk Dr. KPK

YBhg. Dato' Sri TKSU (K)

YBhg. Dato' TKSU (P)

TSUB (DP)

TSUB (P)

TSUB (S)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

TKPK (K&KM) CATATAN:	Peg. Khas	
	Pengurusan	✓
	PA	
PDPSSC CATATAN:	TP (P&P)	
	TP (S&C)	
	TP (S)	
	TP (M)	
	Ketua (K&K)	
	ARAC	
	PA	
PPPI CATATAN:	TP (PD)	
	TP (ID)	
	TP (PMA)	
	TP (E)	
	TP (I)	
	PA	
PNCFS CATATAN:		
MJMM CATATAN:		
Catatan:		
Tarikh:		

Untuk perhatian & maklumat kpd anggota berkenaan
22/5-

SENARAI EDARAN

1. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Perubatan)

2. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Kesihatan Awam)

3. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

4. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Kesihatan Pergigian)

5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Perkhidmatan Farmasi)

6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
   (Keselamatan & Kualiti Makanan)

7. Setiausaha Bahagian Kanan
   Bahagian Pembangunan

8. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

9. Setiausaha Bahagian
   Bahagian Kewangan

10. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Akaun

11. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Sumber Manusia

12. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Khidmat Pengurusan

13. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pembangunan Kompetensi

14. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Maklumat

15. Setiausaha Bahagian
    Bahagian Pengurusan Latihan

16. Ketua Audit Dalam
Cawangan Audit Dalam

17. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

18. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

19. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

20. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

21. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

22. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

23. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

24. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

25. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

26. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

27. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

28. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

29. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

30. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

31. Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

32. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

33. Pengarah
Pusat Darah Negara

34. Pengarah
Institut Kanser Negara

35. Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

36. Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

Ruj. Kami : MOF.BPK 600-22/10/6 Jld. 3 (14)
Tarikh : 25 Mac 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Dengan segala hormatnya saya mohon perhatian YBhg. Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk/ Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MoF) telah menyediakan Garis Panduan Pelanjutan Tempoh Sah Laku Tender Dalam Sistem ePerolehan (eP) seperti yang dilampirkan. Garis panduan ini bertujuan sebagai rujukan Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk melanjutkan tempoh sah laku selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.2 Tender Terbuka bagi tender yang diiklankan melalui Sistem eP.

3. Justeru, kerjasama pihak Kementerian adalah dimohon untuk memanjangkan salinan surat ini kepada semua PTJ di bawah seliaan Kementerian masing-masing. Salinan garis panduan ini juga boleh dimuat turun melalui Portal ePerolehan (https://www.eperolehan.gov.my/download-guideline/procedure). Perhatian dan kerjasama pihak Kementerian berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan

s.k.:

1. **YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar**
   Ketua Setiausaha Negara

2. **YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz**
   Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

3. **YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican**
   Ketua Setiausaha Perbendaharaan

EDARAN DALAMAN (MOF)

1. **YBrs. Tuan Ramzi bin Mansor**
   Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)

2. **YBhg. Dato' Anis Rizana binti Mohd Zainudin @ Mohd Zainuddin**
   Ketua Pengarah Kastam
   Jabatan Kastam Diraja Malaysia

3. **YBrs. Sr. Abdul Razak bin Yusak**
   Ketua Pengarah
   Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

4. **YBrs. Puan Nor Yati binti Ahmad**
   Akauntan Negara
   Jabatan Akauntan Negara

5. **YBrs. Tuan Leonard Wilfred Yussin**
   Pegawai Kewangan Persekutuan
   Perbendaharaan Malaysia Sarawak

6. **YBrs. Tuan Norali @ Ag Norali bin Ag Damit**
   Pegawai Kewangan Persekutuan
   Perbendaharaan Malaysia Sabah

7. **YM Raja Muhammad Azhan Shah bin Raja Muhammad**
   Setiausaha Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan

EDARAN LUAR

1. **Encik Abdul Halim bin Mohamad**
   Ketua Pegawai Operasi
   Commerce Dot Com Sdn. Bhd.
   Tingkat 2, Bangunan Amtek
   No. 15, Jalan Tandang
   Petaling Jaya
   SELANGOR

GARIS PANDUAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP)

1. PENDAHULUAN

1.1 Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan Kementerian/Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi melanjutkan tempoh sah laku tender selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Perolehan Kerajaan (PP/PK) 2.2 Tender Terbuka bagi tender yang diiklankan melalui Sistem ePerolehan (eP). Pekeliling ini mensyaratkan pelanjutan tempoh sah laku dilaksanakan setelah mendapat persetujuan bertulis daripada Pengerusi Lembaga Perolehan (LP) Agensi sebelum tempoh sah laku tawaran tamat.

1.2 Bagi proses pelaksanaan pelanjutan tempoh sah laku tender melalui Sistem eP, tempoh baharu setelah pelanjutan hanya akan dikemas kini dan berkuat kuasa secara automatik sekiranya kesemua petender yang terlibat menyatakan persetujuan dalam Sistem eP. Namun, sekiranya terdapat petender yang tidak bersetuju atau tidak mengemukakan maklum balas, pelanjutan tempoh sah laku tidak dapat diteruskan dan tempoh sah laku asal dikekalkan dalam Sistem eP. Walau bagaimanapun, Kementerian/PTJ masih boleh meneruskan pelaksanaan proses tender dengan merujuk tindakan seperti di perenggan 2.2.2.

2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/PTJ

2.1. Memohon Kelulusan Pelanjutan Tempoh Sah Laku Tawaran

Kementerian/PTJ hendaklah memohon kelulusan pelanjutan tempoh sah laku tawaran berdasarkan dua (2) senario berikut:

2.1.1. Tempoh sah laku tawaran belum tamat

(a) Urus Setia Perolehan di Kementerian/PTJ hendaklah melaksanakan pelanjutan tempoh sah laku tawaran melalui 'Penyelenggaraan Sebut Harga/Tender' dalam Sistem eP. Pelanjutan tempoh sah laku ini akan diserahkan kepada Urus Setia LP untuk mendapat kelulusan daripada Pengerusi LP. Setelah Pengerusi LP memberi kelulusan, Urus Setia LP hendaklah mengunci masuk kelulusan pelanjutan dalam Sistem eP.

(b) Setelah selesai, pemakluman mengenai pelanjutan tempoh sah laku tersebut akan dihantar secara automatik kepada petender untuk persetujuan.

2.1.2. **Tempoh sah laku tawaran telah tamat**

(a) Tender hendaklah dipelawa semula jika tempoh sah laku tawaran telah tamat. Namun demikian, sekiranya terdapat keperluan mendesak, permohonan pelanjutan tempoh boleh dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MoF) melalui Sistem Electronic Government Procurement Application (eGPA) untuk dipertimbangkan.

(b) Sekiranya MoF meluluskan pelanjutan tempoh sah laku tawaran, tindakan seperti di perenggan 2.1.1(a) dan 2.1.1(b) hendaklah diambil.

2.2. **Menerima Maklum Balas Petender Yang Menyertai Pelawaan Tender**

2.2.1. **Semua petender bersetuju**

Sekiranya semua petender menyatakan persetujuan melalui Sistem eP, tempoh sah laku tawaran yang baharu akan dikemas kini dan berkuat kuasa secara automatik dalam Sistem eP. Seterusnya, Kementerian/PTJ boleh meneruskan proses dalam Sistem eP seperti biasa.

2.2.2. **Terdapat petender tidak bersetuju atau tidak mengemukakan maklum balas**

Sekiranya terdapat petender yang tidak bersetuju dengan pelanjutan tempoh sah laku atau tidak mengemukakan apa-apa maklum balas dalam Sistem eP, proses pelanjutan tempoh sah laku tidak dapat dilaksanakan (berkuat kuasa) secara automatik dalam Sistem eP. Dalam situasi ini, sekiranya terdapat petender yang bersetuju dengan pelanjutan tempoh sah laku tersebut, Kementerian/PTJ boleh mengemukakan permohonan pelanjutan tempoh sah laku melalui eAduan Sistem eP dengan menggunakan tajuk: "Pelanjutan Tempoh Sah Laku Tawaran" dan memuat naik surat kelulusan daripada Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi/MoF. Sekiranya diluluskan, tempoh sah laku tawaran yang baharu akan dikemas kini dalam Sistem eP. Seterusnya, Kementerian/PTJ boleh meneruskan

proses dalam Sistem eP seperti biasa dengan merujuk perenggan 2.3.

2.2.3. **Semua petender tidak bersetuju atau tidak mengemukakan maklum balas**

Sekiranya semua petender tidak bersetuju atau tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh ditetapkan, Sistem eP akan memaparkan notis tempoh sah laku tender tamat sebaik sahaja tempoh sah laku tender tamat, dan proses perolehan tidak dapat diteruskan dalam Sistem eP. Urus Setia Perolehan hendaklah membatalkan tender tersebut selepas mendapat persetujuan Pengerusi LP.

2.3. **Mengambil tindakan seperti di bawah selepas tempoh sah laku tawaran baharu dikemas kini dalam Sistem eP**

2.3.1. Tempoh sah laku tawaran dilanjutkan semasa perolehan di peringkat penilaian

(a) Penilaian diteruskan seperti biasa terhadap semua petender yang menyerahkan tawaran sebelum tarikh tutup iklan.

(b) Urus Setia Perolehan hendaklah menyerahkan senarai petender yang tidak bersetuju dengan pelanjutan tempoh sah laku dan petender yang tidak mengemukakan maklum balas (sekiranya ada) kepada Urus Setia LP untuk dimasukkan sebagai ulasan di 'Kertas Taklimat' sebelum LP bersidang supaya LP tidak memilih petender tersebut.

2.3.2. Tempoh sah laku tawaran dilanjutkan semasa perolehan di peringkat pemilihan akhir pembekal

(a) Urus Setia Perolehan hendaklah menyerahkan senarai petender yang tidak bersetuju dengan pelanjutan tempoh sah laku tawaran dan petender yang tidak mengemukakan maklum balas (sekiranya ada) kepada Urus Setia LP untuk dimasukkan sebagai ulasan di 'Kertas Taklimat' sebelum LP bersidang supaya LP tidak memilih petender tersebut.

3. PENUTUP

3.1. Dasar perolehan Kerajaan semasa tidak menggalakkan Kementerian/PTJ melanjutkan tempoh sah laku tawaran kerana pelanjutan tempoh ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Namun demikian, sekiranya pelanjutan tempoh tidak dapat dielakkan, Kementerian/PTJ hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya.

3.2. Sekiranya Kementerian/PTJ menghadapi sebarang masalah untuk meneruskan transaksi dalam Sistem eP, Kementerian/PTJ boleh merujuk Pegawai Penyelaras Kementerian Commerce Dot Com Sdn Bhd (CDCSB) (https://www.eperolehan.gov.my/ministry-coordinator-officer) atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CDCSB (https://www.eperolehan.gov.my/contact-centre). Pertanyaan juga boleh dikemukakan melalui menu eAduan dalam Sistem eP.

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan
25 Mac 2025

CARTA ALIR PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH SAH LAKU TENDER DALAM SISTEM ePEROLEHAN